



PEMERIKSAAN MAMOGRAM PERCUMA

"Pengesanan Awal Menyelamatkan Nyawa".

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan Program Subsidi Ujian Mamogram pada Mei 2007. Program ini mensasarkan kepada wanita Warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 35-70 tahun yang layak bagi mendapatkan saringan ujian mamogram di Pusat Mamogram Swasta yang berdaftar dengan LPPKN.

Bagi membantu keluarga miskin bandar dan luar bandar, Ketua Setiausaha KPWKM telah meluluskan permohonan LPPKN untuk memberikan pemeriksaan mamogram secara **PERCUMA** kepada wanita berpendapatan RM5,000.00 dan ke bawah. Manakala wanita Malaysia yang berpendapatan RM5,001.00 dan ke atas diberi **SUBSIDI RM50.00**.

Wanita yang ingin menjalani ujian mamogram, boleh memohon melalui Klinik Nur Sejahtera di seluruh negara atau memohon secara online melalui sistem e-mamogram di alamat <http://mamogram.lppkn.gov.my>. Seterusnya mereka perlu hadir ke Klinik Nur Sejahtera untuk menjalani pemeriksaan klinikal payudara dan mendapatkan rujukan ke Pusat Mamogram.

Semoga Program Subsidi Mamogram ini dapat memberi manfaat kepada wanita dalam usaha pengesanan awal kanser payudara.

"Pengesanan Awal Menyelamatkan Nyawa"

"Mamogram Mengesan Apa Yang Tidak Kelihatan"

KRITERIA WANITA YANG MENDAPAT SUBSIDI PENUH ATAU SUBSIDI RM50.00

KRITERIA WANITA YANG LAYAK MENDAPATKAN PEMERIKSAAN MAMOGRAM SECARA PERCUMA	KRITERIA WANITA YANG LAYAK MENDAPATKAN SUBSIDI RM50.00
(LPPKN MENANGGUNG KOS SEPENUHNYA)	(LPPKN MENANGGUNG KOS SEBANYAK RM50.00 KOS SELEBIHNYA DITANGGUNG OLEH KLIEN)
<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap • **Wanita yang berisiko tinggi dirujuk oleh LPPKN di bawah Program Subsidi Ujian Mamogram • Wanita yang dirujuk untuk ujian diagnostik mamogram • Ujian mamogram ulangan bagi program Subsidi Mamogram • Berumur 35-70 tahun • BERPENDAPATAN RM5,000 KE BAWAH 	<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap • **Wanita yang berisiko tinggi yang dirujuk oleh LPPKN di bawah Program Subsidi Ujian Mamogram • Wanita yang dirujuk untuk ujian diagnostik mamogram • Ujian mamogram ulangan bagi program Subsidi Mamogram • Berumur 35-70 tahun • BERPENDAPATAN RM5,000.00 DAN KE ATAS

****KRITERIA WANITA BERISIKO TINGGI**

KRITERIA A	KRITERIA B
<p>Jika mempunyai salah satu faktor dari berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">(i). Mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser payudara(a). ibu, kakak, adik perempuan atau anak perempuan menghidap kanser payudara sebelum usia 50 tahun; dan(b). dua orang saudara atau lebih sebelah ibu atau bapa mempunyai kanser payudara (nenek, ibu saudara, anak saudara perempuan; atau(ii). Pernah mempunyai atypia pada biopsi payudara; atau(iii). Pernah menghidap kanser payudara atau kanser ovari; atau(iv). Menerima rawatan terapi hormon gantian	<p>Jika mempunyai dua faktor dari berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">(i). Mempunyai sejarah keluarga menghidap kanser ovari(a). ibu, kakak, adik perempuan atau nak perempuan menghidap kanser ovari sebelum usia 50 tahun; dan(b). dua orang saudara atau lebih sebelah ibu atau bapa mempunyai kanser ovari (nenek, ibu saudara, anak perempuan)(ii). Tidak pernah melahirkan anak atau melahirkan anak pertama selepas usia 30 tahun; atau(iii). Haid pertama pada usia kurang dari 12 tahun; atau(iv). BMI lebih dari 30